

Dr M dan Umno adalah 'paling rasis', kata Tony Pua
Malaysian Insider
June 7, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 7 Jun — DAP mendakwa Tun Dr Mahathir Mohamad dan Umno adalah yang paling rasis di negara ini.

Menurut Setiausaha Publisiti DAP Tony Pua (gambar) objektif "brainwash" komuniti Melayu dan Malaysia dengan mempercayai 'anti rasis' sebagai 'rasis' dan 'rasis' sebagai hak mereka.

"Malah jutaan ringgit digunakan untuk DDD melalui blog-blog berpengaruh dan akhbar Utusan Malaysia adalah menunjukkan perkataan 'rasis' itu digunakan mengikut selera objektif politik mereka," kata Pua.

Bekas perdana menteri itu jelas Pua harus merujuk terma dan maksud 'rasis' itu dalam kamus, katanya secara sinis.

"Apabila Melayu menambahkan sokongan kepada DAP dalam pilihan raya, Dr Mahathir tuduh DAP menyebarkan propaganda yang mempengaruhi Melayu berpelajaran bahawa BN adalah korup.

"Namun bila Cina mengundi DAP, ia bukti DAP rasis. Apabila majoriti Cina hadir di program Pakatan Rakyat, Cina rasis. Apa logiknya di sini?" soal Pua.

DAP menegaskan akan terus bertahan dan tidak gentar dengan serangan-serangan "perkauman" yang dakwa mereka dimainkan parti majoriti Melayu Umno dan Barisan Nasional (BN), tambah Pua.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara menegaskan walaupun Umno dan BN jelas menggunakan tekanan terhadap pemimpin Pakatan Rakyat (PR) melalui Akta Hasutan mereka tetap berpegang dengan prinsip dan sedia menerima kesengsaraan ketidakadilan yang dakwanya dimainkan Umno.

"Pemimpin kami akan berpegang teguh dengan prinsip tidak gentar dan takut, serta bersedia dengan segala ketidakadilan dimainkan rejim Umno bagi memastikan generasi masa depan Malaysia tidak akan terperangkap dalam kerangka perkauman seperti kami hari ini," katanya.

Pua turut menegaskan hanya disebabkan DAP menyokong 'doktrin' ketuanan rakyat, dan menolak ketuanan bangsa tertentu, Umno sejak akhir tahun lalu menjadikan DAP sebagai musuh ketat bagi memastikan kesinambungan polisi perkauman mereka.

"Serangan bertalu-talu daripada 'Brigade DD' yang diketuai Tun Dr Mahathir Mohamad, dengan dibiayai jutaan ringgit menyaksikan DAP menghadapi pertarungan paling sengit dalam sejarah politik kami," dakwa Pua merujuk kepada kewujudan 'Brigade Demolish and Destroy DAP' oleh Umno dan BN.

"Di mana di dalam dunia ini boleh kita temui parti seperti Umno yang menggelarkan 'ketuanan Melayu' sebagai 'raison d'etre' perkauman mereka. Sedangkan pada masa sama DAP parti yang memperjuangkan peluang sama rata, keadilan tanpa mengira kaum dan

agama termasuk pilihan raya yang adil dituduh paling rasis dalam dunia?" soalnya.

Selepas beberapa hari keputusan Pilihan Raya 2013, yang menyaksikan situasi yang digelar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai "Tsunami Cina" beberapa akhbar kemudiannya menyiarkan laporan berkenaan "Red Bean Army" yang didakwa mereka diupah DAP bagi menyebarkan propaganda dan ugutan kepada pihak-pihak tertentu melalui media sosial.

DAP kemudiannya turut mendakwa Umno dan BN turut mempunyai kumpulan propaganda menggunakan medium sama apabila Penasihat DAP Lim Kit Siang mendedahkan wujudnya Brigade DDD bagi mewujudkan persepsi DAP sebagai parti rasis.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-dan-umno-adalah-paling-rasis-ka-ta-tony-pua/>